



LHDN.01/45/274/10
8 Jun 2009

**Pengarah Urusan,
Taxand Malaysia Sdn. Bhd.,
Suite 13A.05, Level 13A,
Wisma Goldhill,
67, Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur.**

Tuan,

**PERMOHONAN LANJUTAN MASA UNTUK MEBAYAR BAKI CUKAI TAHUN
TAKSIRAN 2008 DAN MENGGUNAKAN CUKAI TAHUN TAKSIRAN 2007
SEBAGAI ASAS ANGGARAN CUKAI BAGI TAHUN TAKSIRAN 2010 BAGI
TUAN PUNYA ATAU AHLI KONGSI FIRMA GUAMAN**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan bertarikh 24 Mac 2009 berkaitan perkara di atas.

2. Selepas meneliti isu-isu yang dibangkitkan, LHDNM bersetuju untuk memberi kelonggaran seperti berikut kepada tuan punya atau ahli kongsi firma guaman (selepas ini dirujuk sebagai pembayar cukai) selaras dengan penguatkuasaan pengiktirafan pendapatan mengikut asas akruan (*accrual basis*).

2.1 Bayaran baki cukai bagi Tahun Taksiran 2008

- i. Pembayar cukai dibenarkan untuk membuat bayaran baki cukai secara ansuran sehingga bulan Disember 2009. Kenaikan cukai tidak dikenakan jika ansuran dibayar dalam tempoh ditetapkan. Bagi mengenal pasti kes-kes yang terlibat pembayar cukai perlu memaklumkan LHDNM seperti berikut semasa mengemukakan Borang Nyata Tahun Taksiran 2008:
 - a. **Borang Nyata fizikal (*paper return*):** Surat iringan memaklumkan baki cukai akan dibayar secara ansuran sama rata sehingga bulan Disember 2009 (atau bulan-bulan sebelumnya) dan salinan surat ini hendaklah disertakan bersama-sama Borang Nyata Tahun Taksiran 2008.

- b. **e-Filing:** Surat iringan memaklumkan baki cukai akan dibayar secara ansuran sama rata sehingga bulan Disember 2009 (atau bulan-bulan sebelumnya) dan salinan surat ini hendaklah dikemukakan kepada Unit Pungutan Cawangan LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai.
- ii. Tempoh ansuran yang lebih panjang boleh dipohon secara persendirian jika pembayar cukai menghadapi masalah kewangan yang runcing. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Unit Pungutan Cawangan yang mengendalikan fail percukaian mereka.

2.2 Asas anggaran cukai bagi Tahun Taksiran 2010

LHDNM bersetuju supaya cukai Tahun Taksiran 2008 tidak dijadikan sebagai asas anggaran cukai bagi Tahun Taksiran 2010 bagi tujuan bayaran ansuran di bawah seksyen 107B ACP 1967. Pembayar cukai yang ingin mendapatkan kelonggaran ini perlu mengemukakan permohonan selewat-lewatnya pada 31 Disember 2009 ke alamat seperti berikut:

Bahagian Pembangunan Pungutan,
Jabatan Pungutan Hasil,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia,
Tingkat 10, Blok 8A,
Kompleks Pejabat Kerajaan,
Jalan Duta,
50600 Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HASMAH BT. ABDULLAH)

Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.